

10 SEP 2003

Nik Aziz-Mahathir

KENYATAAN DR MAHATHIR UNTUK JEJAS HUBUNGAN SAYA DENGAN HADI, KATA NIK AZIZ

KUALA LUMPUR, 10 Sept (Bernama) -- Mursyidul Am PAS, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa pucuk pimpinan tertinggi PAS cuba menonjolkan diri untuk mencari pengaruh, adalah tidak berasas dan cuba menjejaskan hubungan sesama pemimpin parti pembangkang itu.

"Kenyataan bahawa saya berlumba-lumba dengan pemangku presiden, menonjol diri untuk mencari pengaruh, adalah mengarut dan tuduhan ini tidak berasas langsung," katanya pada sidang media di sini hari ini.

Nik Aziz mengulas laporan sebuah akhbar hari ini yang memetik Perdana Menteri sebagai berkata bahawa beliau dan Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang berterusan membuat pelbagai tuduhan, hanya untuk menunjukkan siapa antara mereka lebih baik.

Mengenai reaksi dua naib canselor terhadap ucapan beliau bahawa universiti mengeluarkan pelajar yang rendah nilai moral, Nik Aziz berkata kenyataan mereka tidak profesional kerana mereka hanya bergantung kepada laporan akhbar semata-mata.

Katanya kedua-dua naib canselor itu sepatutnya membaca keseluruhan teks ucapan beliau ketika merasmikan Seminar Universiti Kelantan di Kota Bharu, Ahad lepas.

"Mana boleh canselor sebuah universiti buat komen di atas ucapan dengan hanya bergantung kepada laporan akhbar kerana orang universiti utamakan kajian," katanya.

Naib Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM), Prof Datuk Dr Ibrahim Abu Shah dipetik sebagai berkata bahawa rasional yang dinyatakan oleh Nik Aziz sangat longgar seolah-olah jenayah rasuah serta masalah dadah membabitkan lepasan universiti tempatan terlalu berleluasa di negara ini manakala Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM) Prof Datuk Dr Ahmad Fawzi Basri pula berkata bahawa kenyataan Nik Aziz itu hanya satu dakwaan sedangkan graduan yang terlibat dengan rasuah dan jenayah lain amat rendah.

Nik Aziz menjelaskan bahawa ucapan beliau itu bukan ditujukan kepada universti tempatan sahaja sebaliknya ia merujuk kepada semua universiti di seluruh dunia.

"Dalam ucapan saya, ada saya sebut dunia semakin banyak universiti tetapi semakin banyak universiti, semakin banyak jenayah berlaku," katanya.

-- BERNAMA

MUN RV DC MAI